

Pelajar fakulti perniagaan UMS ikuti latihan pembangunan kognitif sumber manusia

UB 3.12.2015 B5

KOTA KINABALU: Satu latihan singkat mengenai 'HR Cognitif Development' (pembangunan kognitif sumber manusia) telah dikendalikan oleh Datu Razali Datu Eranza untuk pelajar kelas Pengurusan Sumber Manusia, satu kursus teras di Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Program yang diadakan pada 27 November itu dianjurkan bersama oleh Smart Methods Consultant yang diwakili oleh pengasasnya Rusdi Rusli. Pemberi motivasi keusahawanan muda itu merupakan ahli alumni yang graduat di fakulti sama.

Seramai 220 pelajar menghadiri aktiviti itu yang memberikan mereka pemahaman

berkenaan penempatan fungsi otak, yang merujuk kepada bagaimana fungsi sains atau proses kognitif menjadi lebih dominan pada satu sudut daripada sudut yang lain.

Latihan selama dua jam setengah itu melibatkan beberapa aktiviti yang mempromosikan pembelajaran kreatif dan pengekalan pengetahuan.

Dalam ceramahnya, Razali

berkata program itu bermanfaat dalam mendedahkan pelajar kepada pengetahuan am mengenai konsep yang boleh membantu mereka apabila berkerjaya kelak, dengan mengetahui satu pendekatan lebih baik dalam merangka kursus dan program pembangunan kepada para pekerja di sesebuah organisasi.

Beliau percaya pengajaran

HR tradisional boleh dipertingkatkan lagi dengan aktiviti 'hands-on' yang menarik minat pelajar dan membuatkan mereka melihat betapa unik dan serba-boleh minda, personaliti dan tingkahlaku seorang manusia itu.

Untuk maklumat lanjut atau sokongan, orang ramai boleh menghubungi Razali, seorang pensyarah di Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan UMS.



SEBAHAGIAN pelajar yang hadir ketika mengikuti aktiviti itu.



KELIHATAN pelajar ceria merakamkan gambar kenangan selepas selesai mengikuti Program 'HR Cognitif Development' (pembangunan kognitif sumber manusia).



MOTIVASI yang disampaikan oleh Rusdi kepada pelajar baru-baru ini.